



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PEMODENAN PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK

LANGKAH-LANGKAH KAWALAN PENYAKIT DEMAM BABI AFRIKA (ASF)

Saya merujuk kepada kenyataan media YB Chong Chieng Jen berkenaan dengan status pengawalan penyakit African Swine Fever di Sarawak.

Wabak *African Swine Fever* (ASF) telah mula merebak di Daerah Lawas, Bahagian Limbang sekitar Julai 2021 ekoran daripada aktiviti pemburuan babi hutan di sempadan Sarawak – Kalimantan. Kes ASF di Sabah dan di wilayah Nunukan serta Krayan di Kalimantan Utara dipercayai punca penularan wabak tersebut ke Sarawak dimana ianya menyebabkan beberapa Bahagian telah diisytiharkan sebagai Kawasan Kawalan Demam Babi Afrika (ASF) bermula dari Limbang dan Miri bermula Julai 2021 hingga ke Kuching pada Jun 2022.

Kawasan Kawalan Demam Babi Afrika (ASF)

Perintah ini dilaksanakan di bawah Seksyen 35 (1) (b) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Sehingga ke hari ini, kes ASF telah dilaporkan berlaku di beberapa Bahagian di Sarawak iaitu dari *backyard farm* di kampung dan juga ladang komersial. Aktiviti memburu babi hutan dan biosekuriti yang tidak ketat adalah punca utama berlakunya jangkitan. Kebiasaannya kes indeks mula dilaporkan di kampung yang bersebelahan / berdekatan dengan sempadan sebelum menular ke kawasan lain.

Kempen kesedaran dan surveilan aktif

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) telah menjalankan langkah-langkah bagi mengekang kemasukkan penyakit serta menjalankan aktiviti surveilan dan kempen kesedaran penyakit ASF termasuk juga penyakit Kuku dan Mulut atau Foot and Mouth Disease (FMD) ini sejak bulan Mac 2021. JPVS masih giat lagi melakukan kempen kesedaran di kawasan kampung dan ladang-ladang komersial. Sesi perbincangan dan kesedaran telah diadakan bersama penternak ladang komersial dan persatuan penternak telah diadakan sebanyak **3 kali di Bahagian Kuching/Samarahan/Serian, Sibul, Bintulu dan Miri/Limbang** sejak kes pertama dilaporkan di Lawas pada tahun 2021.

Jalinan Kerjasama antara agensi

Sesi libat urus bersama agensi berkaitan telah dilakukan sebelum berlakunya wabak terutamanya agensi yang menjaga pintu masuk ke Sarawak dan juga pihak pengendalian pos dan kurier. Pihak pengendali perlabuhan dan syarikat penerbangan juga telah diberikan pendedahan dan langkah-langkah untuk mengekang kemasukkan penyakit ini. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri telah dimaklumkan mengenai perkembangan penularan

penyakit ini pada 16 Aug 2021 melalui mesyuarat mingguan dan semua agensi di bawah jawatankuasa telah diarahkan untuk membantu JPVS dalam usaha mengekang penyakit ini.

Penguatkuasaan Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999

Larangan import produk babi dan berasaskan babi dari kawasan terjangkit penyakit ASF telah dikuatkuasakan dan dilaksanakan di bawah Seksyen 9 (1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Walaubagaimanapun aktiviti penyeludupan dan ketidakpatuhan terhadap larangan ini masih lagi berlaku. Sebanyak **210kg** produk berasaskan babi telah dirampas semasa ketibaan di lapangan terbang di Sarawak setakat bukan Mei 2022. Produk makanan berasaskan babi seperti *stew pork* dalam tin dibenarkan masuk dengan syarat konsainmen tersebut diwajibkan melalui ujian *Hold-Test-Release* bagi menjamin produk yang diimport adalah bebas dari pencemaran virus ASF. Setakat bulan Ogos 2022, **2 konsainmen telah ditolak** kerana dikesan tercemar oleh virus ASF.

Seksyen 36 Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 telah digunapakai bagi mengekang penularan wabak ASF dari satu Bahagian ke Bahagian yang lain dimana *livestock movement control* telah diperkenalkan. Prosedur Uji dan Sembelih atau *Test and Slaughter Procedure* telah dilaksanakan di mana prosedur ini hanya membenarkan ladang ternakan babi yang berdaftar untuk menghantar babi ternakan ke Majlis Daerah Bahagian masing-masing untuk diuji dan ditanda sebelum disembelih untuk dijual di dalam lingkungan kawasan bahagian masing-masing menggunakan permit veterinar.

Pemantauan berterusan aktiviti penyembelihan haram telah dilakukan. Setakan bulan Ogos, **4 kompoun** telah dikeluarkan kepada kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 60 Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 menyembelih babi di rumah sembelih yang tidak berlesen.

Pengurusan kes ladang terjangkit

Protokol Veterinar Malaysia (PVM) African Swine Fever (PVM 5(1):1/2020) telah digunapakai untuk mengawal dan membasmi penyakit ini. Ini termasuk;

- i. Melaporkan kejadian penyakit
- ii. Diagnosis
- iii. Siasatan epidemiologi
- iv. Daya jejak
- v. Pengezonan
- vi. Survelan
- vii. Kuarantin
- viii. Pemusnahan secara stamping out
- ix. Pelupusan / penghapusan karkas
- x. Suci-hama / nyahkuman
- xi. Kesedaran awam
- xii. Rekod dan laporan
- xiii. Pengosongan premis selepas wabak

Pada tahun 2021, sebanyak RM 497,000 telah dibayar kepada penternak babi di Lawas, Limbang dan sebahagian ddari Miri sebagai pampasan kepada penternak yang telah mengalami kerugian akibat ternakan yang dimusnahkan untuk kawalan dan pembasmian penyakit ASF. Pada tahun 2022 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah kelulusan membayar

compassionate assistance kepada penternak (komersial dan kampung) yang terjejas akibat ternakan yang dimusnahkan untuk kawalan dan pembasmian penyakit ASF. Setakat 16 Ogos 2022, sebanyak 32,204 haiwan terjangkit telah dilupuskankan.

Dimaklumkan bahawa strategi yang diperkenalkan telah berjaya mengawal penyakit ini di Bahagian Limbang dan Kapit, dimana tiada lagi kes baharu dilaporkan.

Nasihat Kepada Para Penternak

Sekali lagi saya menyeru agar kesemua penternak babi di Sarawak untuk terus berwaspada dan meningkatkan serta mengetatkan bio-sekuriti ladang masing- masing bagi mengelak ladang babi mereka dijangkiti dengan mengambil langkah seperti berikut:

1. Tidak memberi sisa makanan dapur. Sekiranya ternakan babi diberi makanan lebihan dapur, ia perlu dimasak sekurang-kurangnya 30 minit untuk membunuh virus ASF;
2. Melaporkan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar terdekat sekiranya terdapat sebarang kematian babi ternakan;
3. Meningkatkan tahap biosekuriti, kebersihan ladang dan persekitaran dengan menggunakan bahan pembasmi kuman;
4. Mencuci dan membasmi kuman anggota badan setelah bersentuhan dengan haiwan atau hasil produk haiwan (babi);
5. Elakkan sebarang sentuhan antara babi hutan dan babi ternakan dengan menambahbaik dan mempertingkatkan halangan fizikal seperti mengurung ternakan di dalam kandang dan memagarnya;
6. Jangan melawat ladang babi yang lain dan hadkan bilangan pelawat masuk ke ladang kerana khuatir boleh menyebarkan virus ASF.
7. Mengambil langkah berjaga-jaga bila menggunakan lori mengangkut ternakan dan makanan bagi elak jangkitan
8. Ujian ASF berterusan diladang
9. Untuk mendapatkan permit perpindahan ternakan dari Jabatan Veterinar Sarawak

Masyarakat tidak perlu risau kerana penyakit ini hanya menjangkiti ternakan babi dan tidak zoonotik. Daging babi yang ada di pasaran adalah selamat untuk dimakan.

-TAMAT-

YB Dato Sri Dr Stephen Rundi Anak Utom

Menteri Pmodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak

Tarikh: 16 Ogos 2022